

Bekalan makanan sepanjang Ramadan mencukupi - Ismail Sabri

April 20, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



PUTRAJAYA, 20 April - Bekalan barangan keperluan mencukupi dan mampu menampung permintaan semasa, terutamanya menjelang Ramadan.

Menurut Datuk Seri Ismail, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) sentiasa memantau bekalan makanan harian, terutamanya beras dan barangan keperluan asas lain di seluruh negara.

"Isu sekarang yang kita hadapi bekalan barangan segar ni bukan tidak mencukupi tetapi lebih daripada mencukupi.

"Orang ramai tidak perlu risau kerana keperluan bahan makanan asas dan sebagainya lebih daripada mencukupi," jelasnya.

Semalam penguatkuasa KPDNHEP telah membuat pemantauan harian 25 jenis bekalan di 1,203 premis peniagaan termasuk 925 orang peruncit, 247 pemborong dan 31 pengilang.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/17740-bekalan-makanan-sepanjang-ramadan-mencukupi-ismail-sabri>